

**PERMASALAHAN DALAM
PENTERJEMAHAN METAFORA DALAM HADIS:
PENDEKATAN TEORI SEMANTIK KOMUNIKATIF**

Oleh:

Saifulah bin Samsudin
Jabatan Bahasa dan linguistik Arab
Akademi Islam, KUIS

Prof Madya Dr. Muhammad Fauzi bin Jumingan
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM

Prof. Madya Dr. Abdul Rauf bin Hassan
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM

Dr. Muhd Zulkifli bin Ismail
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM

ABSTRAK

Kajian ini menumpukan kepada permasalahan dalam penterjemahan metafora, khususnya yang terdapat dalam hadis Rasulullah s.a.w. Kajian ini menggunakan teori semantik komunikatif (Newmark, 1981) khususnya prosedur terjemahan metafora Newmark dalam menangani permasalahan tersebut. Kajian mendapati jenis teks, unsur budaya, struktur teks serta pemilihan diksi menjadi antara permasalahan utama dalam penterjemahan metafora. Teori Semantik dan Komunikatif serta prosedur terjemahan metafora yang diperkenalkan oleh Newmark dilihat dapat menangani permasalahan terjemahan metafora dalam teks hadis.

ABSTRACT

This paper focuses on problems in the translation of metaphor, especially as contained in the hadith of the Prophet. This study uses the theory of communicative semantics (Newmark, 1981) especially Newmark metaphor translation procedures in dealing with these problems. The study found that the type of text, elements, text structure and the selection of diction be among

the main problems in the translation of metaphor. Semantic and Communicative theory and metaphor translation procedures introduced by Newmark seen to be addressing the problem of metaphor translation in the text of the hadith.

Kata Kunci: Penterjemahan hadis, Metafora, Terjemahan Semantik dan Komunikatif

1. PENDAHULUAN

Penterjemahan adalah satu proses yang sukar dan rumit. Ini disebabkan penterjemahan melibatkan dua unsur budaya yang berlainan di samping melibatkan dua bahasa dan ciri linguistik yang berbeza. Hal ini memerlukan penterjemah mempunyai penguasaan tinggi dua bahasa dan dua budaya dalam teks sumber dan teks sasaran.

Penterjemahan kitab-kitab agama merupakan satu aktiviti yang diberikan fokus utama oleh para penterjemah di Malaysia. Jika dilihat kepada penambahan karya terjemahan berorientasikan bidang pengajian Islam di pasaran menjadi bukti hakikat ini. Salah satu disiplin ilmu pengajian Islam yang menjadi fokus para penterjemah Arab-Melayu ialah disiplin ilmu hadis. Terdapat banyak sekali kitab-kitab hadis yang telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu, seperti kitab *Mukhtasar Abi Jamrah* dan Hadith 40 terjemahan Mustafa Abdul Rahman, serta *Mukhtasar Sahih al-Bukhariy li al-Zabidiy* terjemahan Institut Hadith Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (INHAD) pada tahun 2010.

2. Masalah Dalam Penterjemahan Metafora

Dari aspek penterjemahan, metafora seringkali menjadi fokus utama para penterjemah. Ketika permasalahan dasar dalam penterjemahan ialah pemilihan umum metod penterjemahan bagi sesuatu teks, penterjemahan metafora pula menjadi masalah khusus yang paling penting dalam terjemahan (Newmark, 2006). Newmark turut menyatakan bahawa tujuan utama dan penting metafora adalah untuk memerikan sesuatu benda, peristiwa atau sifat secara lebih tuntas dan padat dan dalam cara berbelit sedikit berbanding sekiranya kita menggunakan bahasa yang biasa.

Proses pembentukan metafora ini asalnya berkaitan dengan perasaan kerana merujuk sesuatu objek dengan menggunakan objek yang lain contohnya: *a wooden face* (wajah yang tidak berperasaan), *a starry eye* (mata yang bersinar). Kita seolah-olah berbohong, kiasan tulen sering membawa kesan yang dramatik dan mengejutkan, dan oleh sebab metafora mengaitkan titik persamaan antara satu objek dengan yang lain tanpa menjelaskan aspek yang serupa itu metafora kelihatan tidak tepat, walaupun tidak jitu, hal ini kerana metafora mempunyai tepi yang tidak tepat dan tidak dapat ditepatkan. Namun tidak dapat dinafikan bahawa penulis yang baik dapat memanfaatkan metafora untuk membantu pembaca mendapatkan fahaman yang lebih tepat, baik fizikal mahupun perasaan terhadap watak atau keadaan yang tertentu (Newmark, 2006).

Kebiasaannya, metafora digunakan untuk menghuraikan sesuatu, sama ada abstrak atau konkrit, dengan lebih ringkas, dengan lebih impak emosi, dan kebiasaannya lebih tepat daripada yang mampu dibuat oleh bahasa literal. Bandingkan walaupun sesuatu yang biasa seperti “*Bush slams Buchanan*” (Bush menghentam Buchanan) dengan yang lebih literal “*Bush harshly criticizes Buchanan*” (Bush mengkritik Buchanan dengan kasar) (Dickins, 2002). Justeru, penggunaan metafora pada ayat yang pertama lebih memberikan impak emosi berbanding ayat yang kedua.

Namun dari aspek penterjemahan jika diterjemahkan secara semantik maka “*Bush slams Buchanan*” bermaksud: Bush memukul Buchanan’, sudah pasti menimbulkan kekeliruan, adakah benar-benar Bush secara fizikal telah memukul Buchanan, sedangkan maksud yang dikehendaki ialah maksud yang terdapat pada ayat yang kedua.

Kata Dickins lagi, metafora ialah salah satu daripada beberapa teknik yang secara tradisionalnya dikenali dengan nama *figures of speech* (bahasa kiasan). Antara bahasa figuratif termasuklah *metonimi*, *ironi*, dan *simile*. Kesemuanya menjadi fokus penterjemahan. Tetapi, metafora adalah yang terpenting kerana penggunaannya yang banyak serta ia mempunyai masalah terjemahan yang paling mencabar (Dickins et. al, 2002).

Dickins (2002) menyatakan bahawa metafora boleh membangkitkan kesukaran dalam penterjemahan antara mana-mana dua bahasa. Fokus bahasa tersebut adalah berbeza secara relatif sama ada dari aspek kebudayaan dan aspek linguistik seperti bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Bahasa ialah petunjuk kepada budaya. Hal ini bermakna bahawa bahasa mencerminkan kebudayaan penuturnya, yakni cara hidup mereka dan juga sekitaran fizikal dan sosial mereka (Asmah Hj Omar, 1993: 3). Menurut Syed Nurul Akla (2001), menterjemah budaya merupakan suatu masalah yang utama dalam penterjemahan lexis. Fenomena kesukaran ini wujud apabila penterjemah berdepan dengan masalah memahami makna yang terkandung dalam budaya bahasa sumber dan kemudian memindahkannya dengan sepadan dalam budaya bahasa sasaran. Menurutnya lagi, strategi untuk menyelesaikan masalah ini adalah dengan melihat aspek lexis dan budaya serta memahami kaedah yang diberikan oleh sarjana terjemahan. Hal ini bermakna selain menguasai ilmu semantik dan teori-teori penterjemahan lain, penterjemah juga memerlukan pengetahuan mendalam tentang kebudayaan bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Masalah budaya sering mengganggu proses penterjemahan. Perkara ini akan berlaku sekiranya penterjemah tidak berapa arif tentang budaya teks sumber. Bahasa Arab dan bahasa Melayu tergolong dalam keluarga bahasa yang berbeza. Walaupun begitu, memandangkan penutur kedua-dua bahasa ini penganut Islam, maka budaya yang menyangkut agama Islam dijangka tidak menimbulkan masalah yang besar (Maheram Ahmad, 2008: 277).

Lakoff dan Johnson menyatakan bahawa budaya boleh dianggap berfungsi sebagai menyediakan sejumlah metafora untuk memahami makna realiti. Mereka turut berpandangan

untuk hidup bersama metafora bermaksud realiti anda disusun oleh metafora tersebut serta membina persepsi dan tindakan anda berdasarkan pembentukan realiti tersebut (Lakoff dan Johnson, 1980: 12).

Pandangan ini jelas menekankan bahawa kebanyakan metafora adalah terikat dengan budaya dan sudah pasti ia boleh difahami dalam terjemahan langsung oleh orang yang sama atau yang berkait rapat bahasa atau budayanya.

3. Metafora dalam Hadis Rasulullah S.A.W

Jika dilihat kepada hadis Rasulullah S.A.W, ia juga turut menggunakan elemen metafora. Beberapa pengkaji seperti Fadl Hassan ‘Abbas (1998) telah membincangkan elemen metafora yang dikenali sebagai *al-isti’arah*, yang terdapat dalam hadith Rasulullah S.A.W. secara terperinci dalam bukunya *al-Balaghah: Fununuha wa Afnanuha*.

Bahkan perbahasan berkaitan *balaghat hadis* yang merangkumi pelbagai elemen bahasa termasuklah metafora telahpun dihuraikan oleh para ulama Islam terdahulu, khususnya dalam kitab-kitab yang menghuraikan maksud hadis Rasulullah S.A.W. Antara kitab-kitab tersebut ialah *‘Umdat al-Qariy: Sharh Sahih al-Bukhariyy* karya Badr al-Din al-‘Ayniyy, *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim* oleh Imam al-Nawawiyy serta *Dalil al-Falihin li Turuq Riyadh al-Salihin* karya Muhammad bin ‘Allan al-Siddiqiyy. Kitab-kitab ini menggunakan pendekatan secara tidak langsung dalam menghuraikan aspek bahasa dalam hadith-hadith Rasulullah S.A.W kerana fokusnya ialah maksud dan kefahaman terhadap teks tersebut secara keseluruhannya.

4. Metod Kajian

Kajian ringkas ini akan menggunakan pendekatan terjemahan semantik dan komunikatif Newmark (1981) dengan penumpuan khusus diberikan kepada prosedur penterjemahan metafora yang diperkenalkan oleh beliau. Kajian ini turut menggunakan pendekatan kajian korpus sebagai metod analisis.

4.1 Terjemahan Semantik dan Komunikatif & Prosedur Terjemahan Metafora Newmark (1981).

Terjemahan semantik cuba untuk mengemukakan, semampu boleh yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa kedua, makna konteks yang tepat daripada teks asal (Newmark, 1981: 39).

Manakala terjemahan komunikatif pula cuba untuk menghasilkan kesan ke atas pembacanya sehampir mungkin dengan kesan yang diperolehi oleh pembaca dalam teksnya yang asal (Newmark, 1981: 39).

Terjemahan komunikatif hanya menumpukan perhatian kepada pembaca kedua yang tidak menjangkakan kesulitan dan kesamaran dan mungkin tidak mengharapkan pindahan unsur asing yang banyak dalam bahasanya jika perlu. Namun begitu, penterjemah masih perlu menghormati bentuk teks bahasa sumber dan bekerja berdasarkan bentuk itu sebagai satu-satunya asas bagi kerjanya.

Sebaliknya, terjemahan semantik tetap berkisar dalam budaya asal dan menolong pembaca hanya pada konotasi jika ia mengandungi mesej keinsanan yang penting dalam teks. Di bawah gagasan teori semantik komunikatif, Newmark telah memperkenalkan beberapa pendekatan bagi menterjemah metafora.

Newmark telah menggariskan beberapa pendekatan yang dinamakan sebagai *prosedur terjemahan metafora*. Prosedur tersebut adalah seperti berikut:

- 1-Penghasilan semula imej yang sama dalam bahasa sasaran.
- 2-Penggantian imej dalam bahasa sumber dengan imej yang lazim dalam bahasa sasaran.
- 3-Penterjemahan metafora dengan perbandingan (simile).
- 4-Penterjemahan metafora dengan perbandingan campur maksud.
- 5.Penukaran metafora kepada pengertian.
- 6.Pelesapan
- 7.Metafora yang sama digabungkan dengan pengertian.

Terjemahan metafora, memerlukan penekanan kepada kesan pembaca dalam memahami teks sumber. Keterikatan dengan teks sumber dalam sebahagian keadaan boleh menyebabkan impak terhadap elemen metafora menjadi agak dingin. Justeru, penggunaan teori semantik dan komunikasi dilihat relevan dalam menterjemah metafora. Namun teori ini juga memberikan pilihan kepada penterjemah untuk memilih pendekatan terjemahan yang terikat dengan teks sumber jika konteksnya memerlukan berbuat sedemikian.

Newmark berpendapat bahawa penggunaan kedua-dua pendekatan ini adalah bersifat anjal walau dalam satu proses terjemahan ke atas teks terjemahan yang sama, beliau menyatakan bahawa tidak ada satu-satu terjemahan komunikatif atau kaedah terjemahan semantik apabila menterjemah teks. Malah terdapat jalur kaedah yang bertumpang tindih. Satu-satu terjemahan boleh menjadi lebih atau kurang terjemahan semantik-lebih atau kurang terjemahan komunikatif-malah satu bahagian atau ayat tertentu dapat ditangani lebih dari segi komunikasi atau kurang dari segi semantik (Newmark, terjemahan Zainab, 1994: 40)

Beliau juga berpendapat penggunaan gabungan kedua-dua pendekatan dalam satu teks bergantung kepada kepentingan kedua-dua, iaitu bentuk dan juga mesej. Newmark

menyatakan sekali lagi apabila perantaraan (form) sama penting dengan utusan (message) dan manusia daripada dua budaya bahasa itu lazimnya dapat memperkatakan perkara yang sama dengan penggunaan perkataan yang berbeza maka kedua-dua unsur itu berpadu (Newmark, terjemahan Zainab, 1994:46)

Beliau berpandangan berasaskan teori Nida yang menyatakan terjemahan teks kudus (injil) adalah lebih kepada terjemahan semantik bahawa boleh berlaku perubahan pendekatan terjemahan dari semantik kepada komunikatif pada teks itu jika terdapat faktor yang mendorong perubahan itu, antaranya: perubahan sosial dari aspek ciri dongengan dalam kehidupan masyarakat serta pengetahuan yang berkurangan golongan sasar terhadap teks itu. Hal ini dilihat sesuai dengan terjemahan teks hadis yang maknanya amat perlu difahami bukan dari aspek linguistiknya sahaja bahkan dari sudut konteksnya (*asbab wurud hadis*).

4.2 korpus kajian: Kitab Terjemahan *Riyadh al-Salihin*

Kitab Terjemahan *Riyadh al-Salihin* (akan diringkaskan selepas ini dengan KTRS) telah diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS). Kitab ini merupakan terjemahan dan huraian daripada sebuah kitab hadis karya Imam al-Nawawiyy *rahimahullah* yang berjudul *Riyadh al-Salihin*. Faktor yang mendorong agar menerbitkan kitab Terjemahan *Riyadh al-Salihin* ini berdasarkan kekurangan bahan bacaan dalam bidang pengajian hadis yang mudah difahami, khususnya dalam bahasa Melayu. Kitab ini telah diterbitkan dalam lapan jilid (JAKIM, 2011, hlm: 7). Kitab *Riyadh al-Salihin* merupakan sebuah kitab yang memuatkan himpunan hadis berkenaan akhlak dan tasawuf. Kitab ini dibahagikan kepada 372 bab dan mengandungi 1896 buah hadith.

5. Analisis

Antara permasalahan utama dalam penterjemahan metafora dalam hadis ialah:

5.1 Metafora pada Teks *Mutashabihat*

Teks *Mutashabihat* ialah ayat yang menyatakan sifat Allah yang secara zahirnya menunjukkan tempat dan keserupaan yang memerlukan takwilan (Fadl Hassan ‘Abbas. 1997: 492). Antara sampel hadis adalah seperti berikut:

No. hadis: 17

(إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَبْسُطُ يَدَهُ بِاللَّيْلِ لِيُتُوبَ مُسِيءَ النَّهَارِ ...)

Terjemahan:

(*Sesungguhnya, Allah membentangkan tangannya (sebagai kemurahan menerima taubat) pada waktu malam untuk menerima taubat orang yang telah melakukan dosa pada waktu siang...*)

Ulasan:

Unsur metafora dalam hadis ini terdapat pada frasa *إن الله يبسط يده* dengan fokus kepada kata kerja *بسط* yang disandarkan kepada kata nama *يده* serta kata ganti nama bersambung bagi *هو*.

Frasa ini ialah perumpamaan bagi keadaan Allah mahukan taubat daripada hamba-Nya disamakan dengan keadaan orang yang kehilangan sesuatu (tidak dinyatakan dalam teks) yang berharga dan amat diperlukannya. Kemudian, dia mendapati barang itu berada bersama orang lain, lantas dia menghulurkan tangannya meminta. Maksud yang diinginkan di sebalik metafora ini ialah keagungan rahmat Allah S.W.T dan betapa Allah mengampunkan dosa-dosa para hamba-Nya (Ibn ‘Allan, 1995, J1: 61).

Permasalahan yang dihadapi dalam proses penterjemahan ialah metafora ini menyentuh perbuatan dan zat Allah s.w.t. Penelitian adalah amat perlu demi mengelakkan daripada memberikan maksud yang mengelirukan kepada pembaca sasaran khususnya berkaitan zat Allah s.w.t.

Pendekatan terjemahan yang diguna pakai oleh KTRS ialah terjemahan semantik dan komunikatif, iaitu mengekalkan makna denotatif kata kerja *بسط* dan kata nama *يده* tanpa menukarkan kedua-duanya kepada maksud yang dikehendaki di sebalik metafora ini. Pada waktu yang sama turut dinyatakan huraian maksudnya. Prosedur terjemahan yang diguna pakai pula ialah metafora yang sama digabungkan dengan pengertian, iaitu prosedur terjemahan metafora yang ketujuh yang diperkenalkan oleh Newmark. Pendekatan ini menghilangkan kekeliruan pembaca teks sasaran dari sudut kefahaman terhadap sifat Allah.

No. hadis: 8

(إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَىٰ أَجْسَامِكُمْ...)

Terjemahan:

“*Sesungguhnya, Allah tidak melihat tubuh badan dan rupa paras kamu...*”

Ulasan:

Metafora dalam hadis ini terdapat pada kata kerja *ينظر* bermaksud *melihat*. Maksud kata kerja *ينظر* (melihat) dalam hadis ini ialah *المجازاة والإثبات* (pembalasan dan penetapan) (Ibn ‘Allan, 1995, J1: 41).

Dalam hadis ini, perbuatan Allah memberi balasan dan penetapan diumpamakan dengan perbuatan melihat. *Jami’* yang menghimpunkan kedua-duanya ialah *الملاحظة* (pemerhatian), maka kata kerja *ينظر* merupakan metafora kerana ia merupakan *mushabbah bih* manakala *mushabbah* (pembalasan dan penetapan) tidak dinyatakan. *Qarinah* yang menghalang dari makna zahir tersebut ialah lafaz *الله*.

Terjemahan yang diberikan ialah makna denotatif perkataan *ينظر* itu sendiri, iaitu *melihat* tanpa menterjemahkan makna metaforikal yang dikehendaki, iaitu ‘memberikan ganjaran’. Pendekatan ini merupakan pendekatan terjemahan semantik. Ciri terjemahan semantik seperti terikat dan taat dengan teks sumber lantas hilang sentuhan maksud

metaforikalnya jelas kelihatan dalam terjemahan ini. Manakala prosedur terjemahan yang diguna pakai adalah menghasilkan semula imej yang sama dalam bahasa sasar.

Pengkaji berpandangan penggunaan prosedur terjemahan ini membuka ruang kepada kesamaran dalam memahami sifat Allah S.W.T. Pembaca teks sasar mungkin memahami bahawa Allah S.W.T menyerupai makhluk dari sudut keperluan kepada organ untuk melihat. Kategori teks ini sebagai teks *mutasyabihah* memerlukan penterjemah memastikan hilangnya kesamaran tersebut.

Pengkaji mencadangkan terjemahan alternatif melalui penggunaan sama ada prosedur yang kelima disaran oleh Newmark, iaitu penukaran metafora kepada pengertian atau prosedur ketujuh dengan menggabungkan metafora bahasa sumber dengan makna. Terjemahan cadangan melalui prosedur kelima: “Sesungguhnya, Allah tidak memberikan balasan berdasarkan rupa paras..”. Manakala terjemahan cadangan dengan menggunakan prosedur ketujuh: “Sesungguhnya Allah tidak melihat (atau memberi ganjaran berdasarkan) tubuh badan...”.

Penggunaan prosedur kelima dan ketujuh untuk menterjemah perkataan *ينظر* mampu menyampaikan maksud sebenar frasa metaforikal hadis ini, iaitu “memberikan balasan”. Pengekalan makna denotatif perkataan *ينظر*, iaitu “melihat” membuka ruang kesamaran dalam memahami sifat Allah S.W.T.

5.2 Diksi

Diksi ialah proses pemilihan dan penggunaan kata dalam lisan dan tulisan (Kamus Linguistik, 1997: 63). Pemilihan perkataan yang tepat serta gaya bahasa yang baik dapat menyampaikan aspek emosi serta aspek hiperbola yang diinginkan di sebalik penggunaan metafora. Antara sampel hadis yang menunjukkan permasalahan ini adalah seperti berikut:

No. hadis: 245

(من نَفَسَ عن مؤمن كُرْبَةً من كُرْبِ الدُّنْيَا...)

Terjemahan:

“Sesiapa yang menolong menyelesaikan satu kesusahan daripada beberapa kesusahan seorang mukmin di dunia...”

Ulasan:

Metafora dalam hadis ini ialah lafaz *نَفَسَ*. Dalam hadis ini, Rasulullah S.A.W. menyamakan orang yang menolong meringankan beban orang lain dengan orang bernafas yang menyedut udara segar masuk ke dalam rongga paru-parunya lalu mengeluarkan udara panas darinya atau seumpama seseorang yang menyedut udara segar semasa bersiar-siar di taman (Muhammad Bilu: 99).

Maksud metaforikal kata kerja *نَفَسَ* ialah ‘menghilang dan melegakan’ (Ibn ‘Allan, 1995, j.2: 29). Perkataan ini berasal daripada perkataan *تنفيس الخناق* (melaikan jerutan). Ibn Rajab al-Hanbaliy (1980) menghuraikan frasa ini dengan maksud meringankan kesusahan

daripada saudaranya. Perkataan ini diambil daripada تنفيس الخناق (meleraikan jerutan); seolah-olah dia meleraikan jerutan agar orang yang dijerut itu mampu untuk bernafas.

Perkataan yang digunakan ialah "...menolong menyelesaikan...". Pendekatan yang diguna pakai ialah terjemahan secara komunikatif. Kata kerja نَفَس tidak diterjemahkan dengan makna denotatif "memberikan ruang untuk bernafas". Terjemahan ini tidak terikat dengan struktur metafora teks sumber namun menghasilkan maksud yang jelas serta laras bahasa yang lancar. Pengekalan makna denotatif kata kerja tersebut serta keinginan untuk mengekalkan metafora secara semantik sudah pasti akan menimbulkan kekeliruan kepada pembaca sasaran kerana imej 'memberikan ruang untuk bernafas' dengan maksud memberikan bantuan ialah gambaran yang asing bagi bahasa sasaran. Terjemahan ini bercirikan prosedur terjemahan metafora yang kelima yang disarankan oleh Newmark, iaitu menukarkan metafora kepada makna.

Pengkaji berpandangan metafora ini boleh juga diterjemah dengan pendekatan yang sama tetapi dengan teknik berbeza, iaitu teknik menukarkan metafora dengan metafora dalam bahasa sasaran. Dari aspek diksi, pemilihan frasa "meringankan beban" dilihat sebagai penggunaan yang bersesuaian dengan imej teks sumber. Frasa meringankan beban membawa maksud menjadikan ringan, mengentengkan dan memudahkan (Kamus Dewan, 2002: 1141). Pendekatan ini menjadikan aspek stilistik terjemahan lebih mesra pembaca sasaran.

No. hadis: 208

(...وَأَنَّ دَعْوَةَ الْمَظْلُومِ فَإِنَّهُ لَيْسَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ اللَّهِ حِجَابٌ.)

Terjemahan:

"...takutlah akan doa orang-orang yang dianiayai kerana sesungguhnya tidak ada di antaranya dan antara Allah itu hijab (permohonan orang-orang kena zalim tidak ada yang dapat didinding maka doanya pasti termakbul"

Ulasan:

Metafora dalam hadis ini terdapat pada perkataan حجاب. Dalam hadis ini, Rasulullah S.A.W. mengumpamakan halangan (seperti dosa dan kekufuran) antara doa seorang hamba dengan Tuhannya seperti sebuah penghadang konkrit antara dua pihak. Kata kerja حجب bermaksud ستر, iaitu 'menutupi' atau 'melindungi'. Justeru, perkataan الحجاب bermaksud الستر (penutupan) (Ibn Manzur, 2002, j: 4). Perkataan ini ialah *masdar* (kata sandaran) bagi kata kerja حجب (menutup).

Maksud frasa ini ialah tiada penghalang dan penghadang antara doa orang yang dizalimi dengan Allah Ta'ala dan ia terus diterima walaupun orang yang berdoa itu adalah seorang yang melakukan dosa. Ia juga tidak bermaksud seolah-olah terdapat tirai bagi Allah yang memisahkan-Nya dari manusia (Ibn 'Allan 1995, j:1 : 394).

Korpus kajian menterjemahkan frasa ini sebagaimana berikut: "*Sesungguhnya tidak ada di antaranya dan antara Allah itu hijab (permohonan orang-orang kena zalim tidak ada yang dapat didinding maka doanya pasti termakbul)*".

Terjemahan dengan menggunakan gabungan pendekatan semantik dan komunikatif. Aspek semantik dengan mengekalkan perkataan ‘hijab’ tanpa menukarkannya kepada maksud tersirat yang dikehendaki oleh metafora tersebut. Pendekatan ini, serta pemilihan diksi ‘hijab’ bersesuaian dengan bahasa sasar kerana kata nama ‘hijab’ diguna pakai dalam bahasa Melayu dengan maksud kain penutup (cadar, tabir, tirai dll) (Kamus Dewan, 2002: 456). Namun maksud metaforikal frasa ini masih perlu disampaikan.

Manakala aspek komunikatif pula dengan penambahan huraian terhadap metafora itu dengan ayat: “(permohonan orang-orang kena zalim tidak ada yang dapat didinding maka doanya pasti termakbul)”.

Prosedur yang diguna pakai adalah mengekalkan imej yang sama serta digabungkan dengan pengertian. Prosedur ini jelas melalui penambahan huraian selepas terjemahan teks secara semantik, bagi mengelakkan teks tidak difahami. Pendekatan ini dengan tujuan mengekalkan imej metafora bahasa sumber namun masih cuba menyampaikan maksud di sebalik metafora tersebut.

5.3 Budaya

Budaya merupakan satu unsur penting dalam sesebuah masyarakat dan bahasa pula salah satu unsur budaya. Ia merupakan cara hidup yang merangkumi segala aspek kemasyarakatan seperti idea, perasaan, kepercayaan, lambang, nilai serta bahan kebendaan yang diwarisi turun temurun (Puteri Roslina Abdul Wahid, 2012, hlm: 117) Terdapat beberapa metafora yang menyentuh budaya Arab yang tidak terdapat dalam budaya bahasa sasar. Situasi ini menyukarkan penterjemah untuk mendatangkan maksud yang paling sesuai bagi metafora tersebut. Antara sampel hadith adalah seperti berikut:

No. hadis: 19

(... إِنَّ الْمَلَائِكَةَ تَضَعُ أجنحتها لِطَالِبِ الْعِلْمِ رِضَاءً بِمَا يَطْلُبُ ...)

Terjemahan:

(...Sesungguhnya para malaikat menghamparkan sayapnya kepada orang yang menuntut ilmu kerana merestui apa yang dilakukannya (menuntut ilmu...))

Ulasan:

Metafora yang terkandung dalam hadis ini ialah frasa *أجنحتها تَضَعُ* dengan tumpuan kepada gabungan kata kerja *تضع* dengan kata nama *أجنحة*.

Ibn Manzur (2003) berkata *جناح الطائر* (sayap burung) ialah bahagian badan yang ia kembangkan ketika terbang dan jamak bagi perkataan ini ialah *أجنحة*. Beliau turut membawa hadis ini dan menghuraikannya dengan menyatakan bahawa frasa ini mempunyai beberapa maksud, antaranya:

- a- para malaikat menghamparkan sayap mereka bagi menjadi laluan buat penuntut ilmu,

- b- sifat rendah diri dan membesarkan penuntut ilmu.
- c- para malaikat turun ke majlis-majlis ilmu dan meninggalkan keadaan mereka yang sedang terbang.

Ibn ‘Allan (1995, j:1, : 64) menyatakan bahawa zahir frasa ini bermaksud para malaikat menghentikan sayapnya dari terbang dan turun untuk mendengar ilmu. Dikatakan bahawa ia kiasan yang bermaksud sifat tawaduk dan bantuan serta mempermudah urusan orang yang menuntut ilmu.

Terjemahan yang diberikan dalam korpus kajian ialah “para malaikat menghamparkan sayapnya”. Pendekatan yang digunakan ialah terjemahan semantik dengan mengekalkan makna asal setiap frasa tersebut. Pemilihan pendekatan ini memberi andaian bahawa penterjemah tidak menganggap ini sebagai satu frasa metafora dengan memilih maksud zahir lafaz hadis tersebut. Namun, jika penterjemah menganggap frasa ini sebagai metafora tetapi memilih terjemahan semantik sebagai pendekatan terjemahan, sudah tentu terjemahan ini menimbulkan kekeliruan kepada pembaca bahasa sasaran. Lambang hamparan sayap bagi menunjukkan maksud rendah diri dan hormat kepada seseorang adalah satu lambang yang asing bagi budaya bahasa Melayu.

Penggunaan prosedur mengekalkan lafaz metafora dengan menggabungkannya dengan maksud, iaitu pendekatan ketujuh yang diperkenalkan Newmark, kelihatan lebih bersifat tolak ansur dengan menggabungkan terjemahan semantik dan komunikatif.

Terjemahan cadangan pengkaji: “...*para malaikat menghamparkan sayapnya (sebagai tanda merendah diri kepada orang yang menuntut ilmu)*...”. Melalui pendekatan ini, kedua-dua elemen dapat disampaikan kepada pembaca sasaran, iaitu imej ‘hamparan sayap malaikat’ yang mengandungi lambang budaya bahasa sumber serta maksud metaforikalnya.

No. hadis: 317

(رَغِمَ أَنْفٌ، ثُمَّ رَغِمَ أَنْفٌ، ثُمَّ رَغِمَ أَنْفٌ مَنْ أَدْرَكَ أَبَوَيْهِ عِنْدَ الْكِبَرِ، أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا، فَلَمْ يَدْخُلِ الْجَنَّةَ) .

Maksudnya:

“*Hinalah kemudian hinalah kemudian hinalah (bagi) mereka yang sempat hidup bersama dengan salah seorang daripada ibu bapanya atau kedua-duanya sekali ketika mereka tua sedangkan dia tidak dapat masuk syurga (dengan sebab itu).*”

Ulasan:

Metafora dalam hadis ini terdapat pada frasa رَغِمَ أَنْفٌ . Ibn ‘Allan (1995, J:2, :125) menyatakan bahawa frasa ini digunakan untuk mengisyaratkan kepada kehinaan seolah-olah seseorang itu dipenuhi dengan tanah pada hidungnya sehingga memalukannya.

Dari aspek makna kamus, frasa ini terdiri daripada dua patah perkataan رَغِمَ dan أَنْفٌ. Ibn Manzur (2002, J.6) menyatakan bahawa perkataan ini bererti الكره (tidak menyukai atau paksaan). Beliau mengulas lagi bahawa orang Arab berkata: رَغِمَ اللهُ أَنْفَهُ bermaksud Allah

Permasalahan Dalam Penterjemahan Metafora Dalam Hadis: Pendekatan Teori Semantik Komunikatif

e-ISSN : 2289-8042

Saifulah bin Samsudin

Vol 2: Bil 1: Tahun 2015

melekatkan hidungnya dengan tanah yang merupakan bentuk penggunaan yang asal. Kemudian ia diguna pakai untuk menunjukkan kehinaan dan kelemahan. Jelas metafora ini dipengaruhi oleh budaya bangsa Arab yang meletakkan kekotoran pada hidung mewakili situasi kehinaan seseorang.

Metafora ini telah diterjemahkan dalam korpus kajian dengan maksud 'hinalah'. Pendekatan terjemahan yang diguna pakai secara komunikatif. Makna struktur metafora teks sumber tidak dikekalkan. Sudah tentu pengekalannya akan menimbulkan kesukaran kepada pembaca sasaran untuk memahami makna yang dikehendaki oleh metafora ini. Budaya bahasa Melayu tidak menggunakan hidung yang dicalit dengan tanah sebagai satu metafora kepada kehinaan seseorang. Terjemahan ini bertepatan dengan prosedur kelima yang disarankan oleh Newmark, iaitu penukaran kepada pengertian metafora. Pengkaji berpendapat bahawa pendekatan dan prosedur ini bersesuaian dengan metafora tersebut.

No. hadis: 145

(... واستعينوا بالغدوة والرؤحة وشيءٍ من الدُّجَّةِ).

Terjemahan:

“...serta mintalah pertolongan melakukan amalan dengan mengerjakannya di waktu pagi, petang atau di suatu waktu di akhir malam (kerana tubuh badan menjadi segar dan cergas pada waktu-waktu ini.”

Ulasan:

Frasa *استعينوا بالغدوة والرؤحة وشيءٍ من الدُّجَّةِ* merupakan metafora dalam hadis ini dengan *استعانة السالك* (penggunaan ahli ibadah) diumpamakan seperti *استعانة المسافر* (penggunaan musafir).

Rasulullah S.A.W mengumpamakan keadaan seorang yang beribadah dengan menggunakan waktu-waktu segar untuk sampai kepada maksud ibadahnya dengan keadaan seorang yang bermusafir dengan memilih waktu-waktu segar tunggangannya untuk sampai kepada tempat tujuan (Ibn ‘Allan, 1995, J:2, : 286-287).

Ibn Manzur (2003, j.10) menghuraikan bahawa perkataan *استعان* digunakan oleh orang Arab dalam bentuk *أعنته إعانة*. Ia juga dalam bentuk *استعنت* tanpa menggunakan partikel tambahan dan dalam bentuk *استعنت به*, iaitu dengan menggunakan partikel *جار* →. Kedua-dua maksud bentuk ini adalah meminta pertolongan daripada seseorang (Larus, 1991: 354).

Imam al-Nawawiyy turut menghuraikan frasa ini dengan menyifatkannya sebagai metafora (*isti'arah*) dan *tamthil*. Beliau menghuraikan bahawa Rasulullah S.A.W menyuruh umat Islam beramal mentaati Allah S.W.T pada masa sihat dan hati lapang yang kita dapat menikmati ibadah tanpa rasa jemu lantas dapat mencapai matlamat ibadah. Hal ini sama seperti seorang musafir yang bijak berjalan pada waktu-waktu ini dan berehat pada waktu yang lain lantas dapat sampai ke tempat tujuan tanpa rasa penat. Imam al-Sayutiyy (1994, j: 7: 498) pula menyatakan bahawa frasa ini menyarankan agar kita beribadah secara istiqamah dengan melakukannya pada waktu-waktu segar.

Metafora ini diterjemahkan dengan "...serta mintalah pertolongan melakukan amalan dengan mengerjakannya di waktu pagi, petang atau di suatu waktu di akhir malam...". Pendekatan terjemahan yang diguna pakai ialah terjemahan semantik dan komunikatif. Penterjemah mengekalkan makna denotatif bagi kata kerja استعينوا (mintalah pertolongan) dengan melakukan penambahan huraian selepasnya "melakukan amalan dengan mengerjakannya". Prosedur terjemahan metafora yang digunakan ialah terjemahan metafora dengan percampuran maksud, iaitu pendekatan ketujuh yang digariskan Newmark.

Metafora ini menimbulkan masalah kepada penterjemah sama ada ingin mengekalkan struktur teks sumber dengan tujuan menyampaikan gambaran metafora yang berasaskan budaya pemilihan waktu segar musafir bangsa Arab atau menyampaikan makna metafora itu yang menuntut sikap istiqamah dalam amal ibadah dengan memilih waktu segar.

Terjemahan ini cuba mengekalkan gambaran budaya pemilihan waktu semasa bermusafir. Pada pandangan pengkaji, terjemahan "serta mintalah pertolongan" terikat dengan struktur teks asal menyebabkan maknanya rumit dan ganjil sekali gus menyebabkan ia sukar untuk difahami oleh umum pembaca sasaran. Walaupun pendekatan komunikatif turut diguna pakai dengan huraian "melakukan amalan dengan mengerjakannya", masih lagi terdapat kerumitan pada terjemahan ini. Pengkaji berpandangan walaupun struktur metafora teks sumber berjaya dikekalkan dengan laras bahasa yang baik, masih terdapat perbezaan budaya pada metafora ini yang menyukarkan ia difahami oleh pembaca sasaran.

Pengkaji menyarankan pendekatan secara komunikatif melalui prosedur kelima saranan Newmark, iaitu penukaran metafora kepada pengertian. Terjemahan cadangan: "...beramallah kamu semua secara istiqamah pada waktu pagi, petang atau pada suatu waktu di akhir malam...". Walaupun struktur metafora teks sumber yang merangkumi budaya pemilihan waktu segar semasa bermusafir telah hilang, namun makna metafora tersebut dapat difahami oleh pembaca sasaran.

5.4 Struktur Hadith

No. hadis: 929

(مَنْ شَهِدَ الْجَنَازَةَ حَتَّى يُصَلِّيَ عَلَيْهَا فَلَهُ قِيرَاطٌ ...)

Terjemahan:

"Sesiapa yang melawat orang yang meninggal dunia kemudian menyembahyangkannya nescaya orang tersebut memprolehi satu qirat (satu pahala yang besar)".

Ulasan:

Penggunaan metafora dalam teks ini terdapat pada kata nama قيراط. Badr al-Din al-'Ayniy (2001, J:8, :182) menyatakan bahawa lafaz ini ialah *isti'arah* dan *tamthil*. Yang dimaksudkan dengan *qirat* ialah nilai balasan yang hanya diketahui oleh Allah S.W.T. Manakala Nabi S.A.W menjelaskannya dengan menyamakan nilai *qirat* itu dengan bukit Uhud. Nilai

metafora pada perkataan ini adalah dengan menyamakan sesuatu yang abstrak, ganjaran pahala, dengan sesuatu yang dapat dikenal pasti, ukuran timbangan, kerana persamaan dari sudut ketinggian kuantiti.

Qirat dari segi bahasa menurut Ibn Manzur (2002, j: 12, : 73) ialah ukuran timbangan yang dimaklumi, iaitu menyamai satu دانق (satu perdua belas dirham). Adapun perkataan قيراط yang disebut dalam hadis pengurusan jenazah huraian nilainya disebut dalam hadis itu menyamai gunung Uhud.

Penterjemahan metafora ini dalam bahasa sasar berbunyi: “Satu *qirat* (satu pahala yang besar)” dengan menggunakan gabungan terjemahan semantik dan komunikatif. Perkataan قيراط dikekalkan secara transliterasi tanpa menukarkan perkataan itu kepada makna literalnya, iaitu satu sukatan timbangan. Tetapi penambahan terjemahan turut dibuat dengan menambah keterangan dalam tanda baca kurungan, iaitu: (satu pahala yang besar). Pendekatan ini dilihat sepadan dengan prosedur terjemahan ketujuh Newmark, iaitu terjemahan metafora diikuti dengan maksudnya.

Dalam teks terjemahan ini (bahasa sasar), terdapat dua terjemahan bagi قيراط dengan yang pertama maksudnya secara umum ialah ‘satu pahala yang besar’. Manakala terjemahan kedua adalah berdasarkan huraian Rasulullah S.A.W, iaitu ‘nilainya menyamai gunung Uhud’. Terjemahan kedua bagi huraian nilai قيراط dilihat lebih terperinci.

Pengkaji berpendapat bagi metafora ini lebih sesuai digunakan pendekatan mengekalkan imej metafora yang sama dalam bahasa sasar, dengan menggunakan pendekatan memindahkan perkataan tersebut secara transliterasi, tanpa membuat sebarang penjelasan maksud. Hal ini disebabkan, dari aspek struktur teks, lafaz ini diulang sekali lagi oleh Rasulullah S.A.W dengan tujuan menjelaskan maksudnya. Sabda Rasulullah di akhir hadis ini:

قِيلَ وَمَا الْقَيْرَاطَانِ؟ قَالَ: «مِثْلُ الْجَبَلَيْنِ الْعَظِيمَيْنِ»

.Struktur hadis ini jelas menunjukkan bahawa seorang penterjemah haruslah peka kepada struktur sesuatu teks yang ingin diterjemahkan. Penterjemahan sesuatu istilah khusus yang berulang, sebagai contoh, memerlukan penterjemah memastikan tidak menghasilkan terjemahan yang berbeza.

6. Kesimpulan

Berdasarkan sampel yang dipilih secara rawak terdapat beberapa kesukaran dalam menterjemah metafora dalam hadith Rasulullah s.a.w, seperti berikut:

1-Jenis Teks (*mutashabihat*).

Pengekalan makna literal perkataan seperti يَد yang membawa maksud ‘tangan’ serta ينظر yang membawa maksud ‘melihat’ boleh menyebabkan pembaca sasar keliru dalam memahami metafora ini, lantas berkemungkinan menyamakan Allah s.w.t dengan makhluk yang mempunyai organ tertentu. Pendekatan terjemahan Semantik dan Komunikatif Newmark khususnya melalui prosedur terjemahan metafora, memberikan alternatif kepada

penterjemah sama ada menukarkan metafora tersebut kepada makna metaforikalnya atau mengekalkan makna literal dengan menggabungkannya dengan makna. Ini dapat mengelakkan kekeliruan dalam memahami teks dari jenis ini.

2-Budaya

Imej budaya Arab seperti hidung yang dicalit tanah bagi mewakili kehinaan serta imej sayap burung yang direndahkan menunjukkan kerendahan hati adalah dua contoh aspek budaya dari sudut perlambangan. Kedua-dua lambang ini adalah asing bagi pembaca Melayu. Pendekatan menggabungkan terjemahan semantik dan komunikatif dilihat memberikan kelebihan dalam menterjemahkan metafora dari jenis ini kerana dapat mengekalkan lambang budaya dari bahasa sumber ke dalam bahasa sasar. Namun, terdapat juga terjemahan yang memerlukan kepada pendekatan komunikatif kerana dengan mengekalkan lambang budaya asal menyebabkan ianya sukar difahami sebagai contoh metafora *وَاسْتَعِينُوا بِالْغَدْوَةِ وَالرُّوحَةِ وَشَيْءٍ مِنَ الدُّلْجَةِ*.

3-Diksi

Pemilihan perkataan yang tepat untuk menunjukkan makna adalah amat penting khususnya dalam proses terjemahan. Aspek ini lebih perlu ditekankan jika teks yang diterjemahkan adalah dari jenis bahasa figuratif seperti metafora. Perkataan seperti *نَفْس* dan *حجاب* dalam teks hadis di atas merupakan metafora yang memerlukan ketelitian dalam pemilihan perkataan. Pengekalan makna literal *نفس* dengan pemilihan diksi '*memberikan kelegaan bernafas*' adalah tidak bersesuaian. Walaupun teks KTRS menterjemahkannya sebagai '*menolong menyelesaikan*' namun terdapat diksi yang lebih hampir dengan pembaca sasar seperti '*meringankan beban*'. Melalui pendekatan komunikatif serta prosedur terjemahan metafora kelima Newmark terjemahan ini mampu dihasilkan.

4-Struktur Teks

Dari aspek ini memerlukan seorang penterjemah peka kepada struktur sesuatu teks yang ingin diterjemahkan. Penterjemahan sesuatu istilah khusus yang berulang, sebagai contoh, memerlukan penterjemah memastikan tidak menghasilkan terjemahan yang berbeza. Bagi lafaz *قيراط* yang berulang beberapa kali dalam satu teks yang sama memerlukan pengekalan makna semantik bagi mengelakkan berlaku percanggahan terjemahan di samping terdapat huraian oleh Rasulullah s.a.w terhadap metafora ini dalam teks tersebut.

Kesimpulannya, pendekatan teori Semantik dan Komunikatif yang diperkenalkan Newmark melalui prosedur terjemahan metafora yang diperkenalkannya dilihat dapat menangani permasalahan terjemahan metafora dalam teks hadis. Ciri keanjalan dalam pendekatan ini, khususnya dalam proses penterjemahan, dengan melihat kepada jenis teks dan kejelasan maksud dalam bahasa sasar menjadi faktor utama kerelevanan penggunaan pendekatan ini.

RUJUKAN

- ‘Abbas, Fadl Hassan. 1997. *Itqan al-Burhan fi ulum al-Qur’an*. Amman: Dar al-Furqan.
- al-‘Ainiyy, Badr al-Din Mahmud bin Ahmad. 2001. *‘Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhariyy*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Asmah Hj. Omar. 1993. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Dickins J, Hervey S., & Higgins, I. 2002. *Thinking Arabic Translation*. London: Routledge.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram. 2003. *Lisan al-‘Arab*. Dar Sadir.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. 2011. *Inovasi dan Transformasi Dakwah JAKIM Melalui Media*. Kertas Kerja Seminar Islam GRID Kedua 5 Disember 2011.
- al-Sayutiyy, Jalal al-Din. 1994. *Sunan al-Nasa’iy bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyutiyy*. Cet. Ke 3. Beirut: Dar al-Ma’rifat.
- al-Jarim, Ali dan Amin, Mustafa. 1979. *al-Balaghah al-Wadihah, al-Bayan-al-Ma’ani-al-Badi’*. Lubnan: Dar al-Ma’arif.
- Puteri Roslina Abdul Wahid, 2012. *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Ramli Md Salleh et. al (pnys). 1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Lakoff, G & Johnson, M. 1980. *Metaphors We Live By*. Chicago: The University of Chicago Press
- Maheram Ahmad. 2008. *Permasalahan Terjemahan Arab Melayu: Satu Analisis Teks Sastera*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Bilu. 1979. *Min Balaghat al-Sunnah*. Shari’ al-Suq al-Tawfiqiyat: Matba’at Atlas.
- al-Nahwiyy, Khalil. 1991. *al-Mu’jam al-Arabiyy al-Asasiyy*. Tunis: Larus
- Newmark, Peter. 1981. *Approaches to Translation*. Oxford: Pergamon Press.

Newmark, Peter. 1994. *Pendekatan Penterjemahan*. Terjemahan: Zainab Ahmad dan Zaiton Ab. Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Newmark, Peter. 2006. *al-Jami' fi al-Tarjamah*, (A Textbook of Translation). Terjemahan: Hassan Ghazzalah. Beirut: Dar wa Maktabat Hilal.

al-Siddiqiyy, Muhammad bin 'Allan. 1995. *Dalil al-Falihin li Turuq Riyadh al-Salihin*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

Syed Nurul Akla. 2001. *Faktor Leksiko-Budaya dalam Terjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Karya Rihlah Ibn Batutah*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.

Terjemahan Riyadh al-Salihin, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.